

PANDUAN

PANDUAN UNTUK TERLIBAT DENGAN JAWATANKUASA PERHAMBAAAN MODEN

Jawatankuasa Perhambaan Moden Parlimen New South Wales ingin mendengar daripada orang ramai yang pernah mengalami perhambaan moden.

Dokumen ini adalah panduan kepada individu yang berminat untuk bertemu dengan jawatankuasa untuk berkongsi pengalaman mereka

Apakah perhambaan moden?

Istilah perhambaan moden merangkumi pelbagai jenayah di New South Wales, termasuk perkahwinan paksa, buruh paksa, penghambaan, perhambaan seksual, pemerdagangan manusia, perhambaan hutang, perekrutan yang menipu, pemerdagangan organ dan tisu dan eksploitasi seksual kanak-kanak dalam talian.

Perihal Parlimen dan jawatankuasa

Parlimen New South Wales mewakili rakyat, membuat undang-undang dan meneliti tindakan kerajaan. Jawatankuasa Perhambaan Moden ialah jawatankuasa parlimen yang dianggotai oleh beberapa ahli Parlimen daripada parti kerajaan dan bukan kerajaan. Peranannya adalah untuk membuat cadangan kepada Kerajaan NSW tentang cara menangani dan mencegah perhambaan moden.

Bagaimana saya boleh mengambil bahagian?

Anda boleh berkongsi pengalaman anda dengan kami secara peribadi. Jika anda ingin melakukan ini, tolong kirim e-mel kepada modern.slavery@parliament.nsw.gov.au

Sila sertakan nama kecil dan nama keluarga anda, nombor telefon anda dan beberapa fakta penting mengenai pengalaman anda - atau hubungi kami di 02 9230 3081.

Jika anda lebih suka, anda boleh berkongsi pengalaman dan pemikiran anda dengan menghantar e-mel atau surat ringkas kepada kami. Kami memanggil ini 'penyampaian'. Untuk maklumat lanjut, sila lihat [panduan kami untuk membuat penyampaian](#).

Bolehkah saya mengambil bahagian secara sulit?

Terdapat pilihan yang tersedia untuk menyertainya secara sulit jika anda mahu.

Jika anda ingin bercakap dengan jawatankuasa secara peribadi, anda boleh menyertainya secara sulit atau secara terbuka. Jika anda ingin menulis kepada jawatankuasa, kami boleh merahsiakan penyampaian anda, menerbitkan sebahagian daripadanya, atau menerbitkannya sepenuhnya di laman web kami.

Maklumat yang anda kongsi secara terbuka akan diterbitkan pada situ web jawatankuasa dan mungkin disertakan dalam laporan jawatankuasa, yang juga akan tersedia dalam talian.

Maklumat selanjutnya

Kunjugilah laman web untuk maklumat mengenai pertanyaan- pertanyaan semasa.

Hubungi Kakitangan jawatankuasa untuk bantuan terjemahan.



www.bit.ly/ms-committee



(02) 9230 3081



modern.slavery@parliament.nsw.gov.au



PANDUAN

PANDUAN UNTUK TERLIBAT DENGAN JAWATANKUASA PERHAMBAAAN MODEN

Apa yang berlaku seterusnya?

Jika anda telah menyatakan minat untuk bertemu dengan jawatankuasa, urusetia akan menghubungi anda untuk membincangkan langkah seterusnya.

Jika anda telah membuat penyampaian, urusetia akan membacanya dan menghubungi anda untuk membincangkan sebarang perkara yang bersifat rahsia. Urusetia kemudiannya akan memberikan penyampaian anda kepada jawatankuasa.

Apakah yang boleh dicapai oleh jawatankuasa?

Jawatankuasa ini akan belajar daripada pengalaman orang yang mempunyai pengalaman hidup untuk membuat cadangan kepada Kerajaan NSW tentang cara undang-undang dan dasar perhambaan moden boleh diperbaiki untuk menghentikan dan mencegah perhambaan moden pada masa hadapan.

Kami tidak dapat menyiasat atau menyelesaikan kes individu.

Adakah sokongan akan tersedia?

Kita tahu bahawa bercakap tentang perhambaan moden mungkin suka rbagi sesetengah orang. Kami mempunyai cara untuk menyokong orang yang ingin bercakap dengan kami. Kami boleh membincangkan perkara ini dengan anda pada bila-bila masa.

Siapakah dalam jawatankuasa?

Terdapat lapan ahli parlimen dalam jawatankuasa itu:

- Pengerusi, Joe McGirr (Ahli Bebas, Dewan Undangan)
- Timbalan, Jenny Leong (The Greens, Ahli Dewan Undangan)
- Tina Ayyad (Parti Liberal, Ahli Dewan Undangan)
- Robert Borsak (Penembak, Nelayan dan Petani, Ahli Majlis Perundangan)
- Greg Donnelly (Parti Buruh Australia, Ahli Majlis Perundangan)
- Sarah Kaine (Parti Buruh Australia, Ahli Majlis Perundangan)
- Aileen MacDonald (Parti Liberal, Ahli Majlis Perundangan)
- Lynda Voltz (Parti Buruh Australia, Ahli Dewan Undangan)

Siapakah urusetia?

Urusetia menyokong jawatankuasa dan boleh menjawab soalan anda. Anda boleh menghubungi modern.slavery@parliament.nsw.gov.au atau hubungi kami di 02 9230 3081.

Melapor, membantu, menyokong

Untuk melaporkan perhambaan moden

- **1800 FREEDOM:** Hubungi 1800 FREEDOM (1800 3733366) atau antislavery@dcj.nsw.gov.au untuk mendapatkan sokongan sulit dan bantuan daripada Pesuruhjaya Anti-perhambaan NSW.
- **Dalam kecemasan:** hubungi 'Triple Zero' (000) jika anda mempunyai kebimbangan mendesak untuk keselamatan anda atau keselamatan orang lain.

Untuk melaporkan kepada penguatkuasa undang-undang

- **Polis New South Wales:** hubungi 131 444
- **Crimestoppers:** hubungi 1800 333 000 atau laporkan dalam talian
- **Polis Persekutuan Australia (AFP):** hubungi 131 237 (131AFP) atau pergi ke laman web AFP di <https://www.afp.gov.au/report-crime>

Sumber dan sokongan lain yang tersedia disenaraikan di [halaman web](#) jawatankuasa.

